



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR  
JALAN KOLAM AIR  
05675 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

A. **Sebutharga adalah dipelawa kepada para peniaga Bazar Ramadan untuk membuat tawaran bagi sebutharga seperti berikut :**

BIL RUJUKAN	HARGA DOKUMEN S/HARGA	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	HARGA MINIMUM	KETERANGAN KERJA
MBAS/BBK/PROJ/134/2019	RM10.00	15.03.2020 (AHAD)	3,000.00	TAWARAN SEWAAN TAPAK PAKAIAN / HIASAN NO.1 HINGGA NO.144 BAZAR RAMADAN DI STADIUM DARULAMAN, MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR TAHUN 2020

B. Borang bidaan boleh diperolehi dari Bhg Bekalan & Kontrak, Tingkat 8, Menara Majlis Bandaraya Alor Setar.

C. Borang bidaan akan hanya dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang lengkap membawa perkara berikut :

- (a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan
- (b) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SMM) dan salinan
- (c) Sekeping (1) gambar berukuran pasport
- (d) **Wang Pertaruhan (Deposit) RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja)** berbentuk money order / bank draft atas nama Majlis Bandaraya Alor Setar untuk setiap satu dokumen sebutharga

D. Borang bidaan yang telah lengkap beserta **Wang Pendahuluan sebanyak 50% daripada harga tawaran** berbentuk money order / bank draf hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan bertanda dengan No Tapak disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Alor Setar. Tawaran di atas ditutup pada

**29.03.2020 (AHAD)**

Jam 12.00 tengahari.

E. Majlis Bandaraya Alor Setar sentiasa berhak menyetujui terima atau menolak sebutharga ini, samada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada tawaran-tawaran yang lain atau sama amaunnya.

F. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selama sebulan selepas tawaran ditutup maka bolehlah dianggap tawaran yang dimasuki adalah tidak berjaya.

G. Pemohon yang gagal (jika ada) boleh menuntut kembali Wang Pertaruhan (Deposit) dan akan dipulangkan semula Wang Pertaruhan (Deposit) RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja) berbentuk money order / bank draft. Segala tuntutan Wang Deposit hendaklah berurusan dengan Bahagian Bekalan & Kontrak, Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah

H. Pemohon yang gagal (jika ada) boleh menuntut kembali Wang Pendahuluan sebanyak 50% daripada harga tawaran dan akan dipulangkan semula berbentuk money order / bank draft. Segala tuntutan Wang Pendahuluan hendaklah berurusan dengan Bahagian Bekalan & Kontrak, Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar, Kedah.

PAPAN KENYATAAN  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

